



PERLIS

BERITA
SILA

Kompas
Pelding Jaya

© Kompas Publishing Sdn Bhd, 1986

Semua hak terpelihara. Tiada sebarang bahagian daripada buku ini yang boleh ditiru atau dipancar atau disimpan dalam sebarang bentuk atau melalui sebarang cara tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Kompas Publishing Sdn Bhd terlebih dahulu.

Diterbitkan 1986

ISBN 967 952 083 8
967 952 075 7

11
450 311
Per

466383
APB

Diterbitkan oleh

Kompas Publishing Sdn Bhd
48, Tingkat Satu, Jalan SS 2/61
47300 Petaling Jaya.
Tel: 03-7746650

Dicetak di Malaysia oleh
Academe Art & Printing Services Sdn Bhd
Kuala Lumpur

— 8 AUG 1988
Perpustakaan Negara
Malaysia



Bendera

Bendera negeri Perlis mempunyai dua warna iaitu kuning dan biru. Warna kuning yang melambangkan raja terletak di bahagian atas. Warna biru pula melambangkan rakyat dan letaknya di bawah. Dua warna ini menunjukkan bagaimana eratnya hubungan dan kerjasama antara raja dengan rakyat jelata.

Pengenalan

Perlis adalah negeri yang paling kecil dalam Malaysia. Negeri ini dikenal juga dengan gelaran Indera Kayangan. Ini disebabkan pada masa dahulu Perlis mempunyai hubungan yang amat erat dengan Kota Indera Kayangan. Kota Indera Kayangan ialah tempat bersemayamnya Pemangku Sultan Kedah pada masa dahulu iaitu Tunku Dhiauddin.

Terdapat beberapa cerita yang menarik tentang bagaimana negeri Perlis mendapat nama. Satu cerita mengatakan pada masa dahulu di sini terdapat sebuah negeri yang masyhur bernama Langkasuka. Perdagangan di negeri itu sangat maju. Peniaga-peniaga dari China, India, Burma, Siam dan lain-lain datang ke negeri itu untuk berniaga. Orang-orang Siam yang datang berniaga ke situ selalu ternampak banyak kelapa hanyut apabila air **surut** di muara Sungai Perlis. Mereka pun menggelar tempat itu sebagai 'Ma Phrau Loi' yang bermaksud 'Sungai Kelapa-kelapa Hanyut'. Orang Melayu tidak dapat menyebut 'Phrau Loi' dengan betul dan sebaliknya mereka menyebutnya sebagai 'Perleh'. Lama kelamaan nama tempat itu bertukar menjadi Perlis.

Satu cerita lagi mengatakan nama negeri ini ada kaitannya dengan kedudukan istana sultan Kedah di situ pada masa dahulu. Istana sultan Kedah itu terletak di tengah-tengah sawah.




Orang Siam ternampak banyak kelapa hanyut di muara

Apabila tiba musim tengkujuh atau musim banjir orang yang hendak pergi ke istana itu perlu berhati-hati. Jika tidak berhati-hati ketika melalui kawasan itu mereka akan 'terperlus' atau terjatuh ke dalam sawah. Disebabkan keadaan itu penduduk tempatan menggelar kawasan itu 'Perlus'. Lama kelamaan gelaran itu berubah menjadi Perlis.

Sungguhpun negeri Perlis sangat kecil, tetapi negeri ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Seperti negeri Kedah, Perlis juga merupakan pengeluar padi yang penting di



Pemandangan sawah padi di Perlis



Menampi padi

Malaysia. Negeri ini juga menjadi tumpuan para pelancong kerana keindahan pemandangan dan banyak tempat menarik yang terdapat di sini.

Penduduk negeri Perlis tidak jauh bezanya dengan penduduk negeri Kedah. Mereka banyak mempunyai persamaan dari segi percakapannya dan kebudayaan. Penduduk negeri ini juga banyak menerima pengaruh dari negeri Thai. Ini disebabkan kedudukannya yang amat dekat dengan negeri Thai.

Sejarah

Negeri Perlis pada asalnya merupakan sebahagian daripada negeri Kedah. Negeri ini hanya wujud sebagai sebuah negeri pada pertengahan abad ke-19. Raja Perlis yang pertama ialah Syed Hussain Jamalullail. Pada mulanya baginda adalah penghulu Arau iaitu sebuah daerah di Perlis. Sekarang Arau merupakan bandar diraja Perlis.

Kisah bagaimana Perlis wujud sebagai sebuah negeri yang beraja ada kaitannya dengan **penjajahan** Siam di negeri Kedah. Pada tahun 1821, Kedah telah diserang dan dikuasai oleh Siam. Dengan itu Perlis juga turut diletakkan di bawah kuasa Siam.

Ketika serangan Siam itu Syed Hussain Jamalullail menjadi penghulu Arau. Beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan sultan Kedah. Beliau telah berunding dengan sultan Kedah untuk mencari jalan supaya Siam membebaskan negeri itu. Pada mulanya askar-askar Kedah mencuba sedaya-upaya untuk menghalau tentera Siam. Walau bagaimanapun mereka tidak dapat menandingi tentera Siam yang lebih kuat.

Oleh sebab itu, Syed Hussain Jamalullail membuat cadangan supaya mereka berunding secara damai dengan Siam. Rancangan ini



Askar Siam menyerang Kedah

dipersetujui oleh pihak sultan Kedah. Dengan itu mereka membuat keputusan untuk menghantar satu rombongan **mengadap** Raja Ligor. Raja Ligor adalah wakil Raja Siam di bahagian selatan ketika itu.

Apabila hasrat penduduk negeri Kedah disampaikan kepada Raja Ligor, baginda bersetuju memulangkan negeri Kedah kepada sultannya. Walau bagaimanapun Kedah perlu mematuhi



Rombongan sultan Kedah menghadap Raja Ligor

beberapa syarat. Syarat pertama ialah Kedah mesti kekal sebagai jajahan Siam. Syarat yang kedua ialah Kedah dikehendaki membayar **ufty** kepada Siam tiga tahun sekali. Syarat-syarat ini dipersetujui oleh pihak sultan Kedah.

Sementara itu penduduk negeri Perlis pula telah membuat keputusan untuk menjadikan Perlis sebuah negeri yang berasingan dari Kedah. Mereka mahu Syed Hussain Jamalullail menjadi raja negeri Perlis. Hasrat penduduk Perlis itu pun disampaikan kepada Raja Ligor. Raja Ligor bersetuju tetapi baginda mengenakan syarat yang serupa ke atas Perlis sebagaimana syarat yang dikenakan ke atas Kedah.

Akhirnya pada 20 Mei 1834, Syed Hussain Jamalullail **ditabalkan** sebagai raja Perlis dengan rasminya. Upacara pertabalan itu diadakan sendiri oleh Raja Siam di Istana Bangkok. Dengan itu wujudlah sebuah negeri Perlis yang beraja.

Sepanjang pemerintahan Syed Hussain Jamalullail negeri Perlis banyak mendapat bantuan ketenteraan daripada Siam. Dengan itu musuh-musuh negeri Perlis tidak berani mengganggu. Walau bagaimanapun, pada tahun 1909, Siam telah menyerahkan Perlis kepada pihak British. Seorang penasihat British dihantar ke Arau untuk menjadi penasihat kepada raja Perlis. Siam tidak lagi campurtangan dalam hal ehwal negeri Perlis.




Askar Jepun menakluki Tanah Melayu

Apabila Jepun menduduki Tanah Melayu pada tahun 1942, Perlis telah diletakkan di bawah kuasa Siam semula. Jepun juga telah melantik Syed Hamzah Jamalullail sebagai raja Perlis yang baru. Ini menimbulkan kemarahan raja Perlis yang lebih berhak serta **kerabatnya**. Oleh sebab itu mereka telah pergi ke negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, apabila British menguasai Tanah Melayu semula, Syed Putra Jamalullail telah dilantik sebagai raja Perlis yang berhak.

Kini negeri Perlis menjadi sebuah negeri yang merdeka dalam Malaysia. Pembangunan yang pesat dijalankan di negeri itu seperti negeri-negeri yang lain di Malaysia.

Peta negeri Perlis





Geografi

Negeri Perlis terletak di bahagian utara Semenanjung Malaysia. Negeri ini bersempadan dengan negeri Thai di bahagian utara dan Kedah di bahagian timur dan selatannya. Di sebelah baratnya pula ialah Selat Melaka.

Negeri Perlis merupakan negeri yang paling kecil di Malaysia. Luasnya hanya kira-kira 795 kilometer persegi. Disebabkan saiznya yang kecil, negeri Perlis tidak dibahagikan kepada daerah-daerah tertentu. Kangar merupakan ibu negerinya, manakala Arau adalah bandar diraja.



Suasana pada musim menanam padi


Jumlah penduduk negeri Perlis juga sangat sedikit iaitu 148 276 orang. Kebanyakan mereka merupakan petani. Mereka menanam padi di samping tanaman lain seperti getah dan kelapa sawit.

Perlis mempunyai tanah **datar** yang subur. Oleh sebab itu, padi sangat sesuai ditanam di sini. Kawasan sawah padi di negeri ini termasuk dalam Dataran Kedah-Perlis iaitu kawasan padi yang terbesar di Malaysia. Di sini sawah padinya luas terbentang. Sekarang penanaman padi dijalankan secara moden seperti dengan

menggunakan traktor. Rancangan **pengairan** juga diadakan untuk membolehkan padi ditanam dua kali setahun.

Penduduk di kawasan pinggir pantai pula kebanyakannya bekerja sebagai nelayan. Nelayan-nelayan negeri ini menangkap ikan di kawasan perairan sekitar Pulau Langkawi. Kawasan ini memang menjadi tumpuan kebanyakan nelayan. Hasil tangkapan para nelayan di bawa ke Kuala Perlis untuk dijual. Dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti kilang air batu, lori-lori besar dan hubungan jalan raya yang baik membolehkan hasil tangkapan dari Kuala Perlis dibawa ke tempat-tempat lain yang jauh seperti Ipoh, Kuala Lumpur dan Singapura.

Di Kaki Bukit pula terdapat kegiatan melombong bijih timah di dalam gua. Sungai yang mengalir di dalam gua batu kapur di sini membawa bijih timah yang dihakis di bahagian dalam gua dan **dimendapkan** di permukaan gua tersebut. Untuk mendapatkan bijih timah itu, air sungai terpaksa dipam keluar bersama dengan bijih timah sekali. Kemudian barulah bijih-bijih timah diasingkan daripada bahan-bahan lain. Kadang-kadang bumbung gua akan runtuh kerana hakisan yang berlaku. Ini menyebabkan terjadinya lubang-lubang pada gua. Lubang ini dinamakan 'Wang'.



Bot-bot nelayan di Kuala Perlis



Ladang tebu di Perlis

Sementara di Chuping terdapat ladang tebu yang terbesar di Malaysia. Tebu-tebu ditanam untuk menghasilkan gula. Oleh sebab itu, di sini juga terdapat kilang gula. Ladang tebu memerlukan pekerja yang ramai terutama ketika menanam dan menuainya. Di samping itu getah juga banyak ditanam di Chuping. Getah ditanam di kawasan-kawasan berbukit.

Kebudayaan

Penduduk Perlis tidak kurang kayanya dengan kebudayaan mereka sendiri. Masyarakat tani di negeri ini mengadakan kegiatan kebudayaan untuk mengisi masa lapang.

Pada masa dahulu, **sabung** ayam merupakan permainan yang amat digemari. Ayam jantan yang dipelihara untuk bersabung dijaga bagai menatang minyak yang penuh. Tajinya diasah supaya dapat digunakan ketika berlaga nanti.



Perlawanan laga ayam sangat popular pada zaman dahulu

Namun begitu, permainan sabung ayam tidak lagi dijalankan sekarang kerana permainan ini salah di sisi undang-undang.

Daripada permainan sabung ayam ini pula tercipta satu tarian yang terkenal di Perlis iaitu Tarian Ayam Didik. Tarian ini diiringi lagu yang dikenali sebagai Ayam Didik. Antara senikata lagu itu ialah:

Manalah dia adikku tadi,
Padinya tumpah di depan tangga,
Manalah dia adikku tadi,
Adik dok ada di depan mata.

Tarian ini memerlukan pasangan penari yang akan menari mengikut gerakan perlawanan sabung ayam. Apabila lagu terhenti, seorang daripada penari akan duduk sementara pasangannya akan mengelilinginya.

Selepas musim menuai masyarakat tani di sini akan mengadakan suatu pesta. Misalnya Tarian Canggung diadakan sebagai menyambut petani-petani yang berkumpul selepas menuai sementara menantikan masa untuk menanam semula. Perkataan 'Canggung' dalam bahasa Thai bermaksud menari. Tarian ini dicipta selepas Perang Dunia Kedua dengan ditarikan oleh teruna dara untuk berhibur.

Sebagai memeriahkan upacara perkahwinan pula dicipta sejenis tarian yang dinamakan



Tarian Conggung

Terinai. Tarian Terinai dicipta semata-mata untuk memeriahkan hari **berinai** pengantin perempuan. Tarian ini menggunakan lilin yang diletakkan di atas piring. Jumlah lilin itu sentiasa ditambah. Pada mulanya digunakan lima batang lilin, kemudian pada peringkat kedua digunakan tujuh batang lilin dan akhir sekali sembilan batang. Lilin itu dikatakan sebagai melambangkan kehidupan pasangan pengantin baru kelak.



Tarian Terinai




Permainan sepak raga

Ketika menari, penari-penari akan duduk mengadap pelamin dan meliuk-liukkan tangan mereka. Lilin-lilin tadi diletakkan di hujung jari mereka, kemudian secara perlahan-lahan mereka bangun dan menari mengikut langkah tertentu.

Permainan sepaktakraw pula merupakan permainan yang agak popular di Perlis. Permainan ini selalu diadakan pada masa lapang. Permainan sepaktakraw adalah permainan tradisi orang Melayu. Sekarang berbagai-bagai usaha dijalankan untuk menjadikan permainan ini lebih terkenal.

Tempat-tempat Menarik

Meskipun merupakan sebuah negeri yang kecil, Perlis merupakan tempat pelancongan yang **popular**. Antara tempat yang sangat digemari oleh pelancong ialah Padang Besar. Kunjungan ke Perlis seolah-olah tidak sempurna kalau tidak ke sana. Padang Besar ialah sebuah pekan yang terletak dekat sempadan Thailand. Di sana boleh didapati berbagai-bagai jenis barang keperluan daripada makanan, pakaian hinggalah kepada peralatan rumah. Barang-barang yang dijual amat murah harganya terutama sekali barang yang dibuat daripada kulit.



Stesen keretapi di Padang Besar




Tempat menjamu selera di Kuala Perlis

Selepas membeli-belah di Padang Besar, pelancong boleh singgah di Kuala Perlis. Tempat ini terkenal dengan laksanya serta makanan laut seperti udang dan ketam. Di sini terdapat sebuah kilang untuk memproses udang kepunyaan Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis. Di sini juga terletak pangkalan feri untuk pergi ke Pulau Langkawi. Pangkalan ferinya terletak berhampiran

dengan tempat menjamu selera. Selain daripada menjadi pangkalan feri, pangkalan ini juga menjadi tempat **memunggah** ikan yang dibawa oleh para nelayan.

Dari Kuala Perlis juga pelancong boleh pergi ke Batu Pahat. Batu Pahat terletak kira-kira 9.6 kilometer dari Kangar. Tempat ini merupakan tempat perkelahan yang terkenal. Di sana ada disediakan taman kanak-kanak, taman haiwan, padang golf dan sebagainya.

Satu lagi keistimewaan Batu Pahat ialah Taman Ulangnya. Di sini terdapat berjenis-jenis ular sama ada yang berbisa atau tidak.



Pemandangan di Batu Pahat

Satu lagi tempat yang mempunyai pemandangan yang menarik ialah Gunung Medan di Utan Aji. Dari atas Gunung Medan, dapat dilihat pemandangan Pulau Langkawi dan Selat Melaka yang indah di bahagian barat dan selatannya. Sementara di utara pula kelihatan ladang tebu dan getah di Chuping.

Chuping ialah kawasan perusahaan yang penting di Perlis. Namanya berasal daripada Bukit Chuping. Di sini juga letaknya ladang tebu yang terbesar di Malaysia. Selain daripada ladang tebu, terdapat juga ladang getah dan kilang simen. Tarian Canggung juga dikatakan berasal dari Chuping.

Di Kaki Bukit pula dapat dilihat kegiatan melombong bijih timah dari dalam gua batu kapur. Cara ini tidak dilakukan di tempat lain kerana kebanyakan gua batu kapur tidak mempunyai bijih. Sebuah **titi gantung** dibina khas untuk pelawat yang ingin melihat bagaimana perlombongan ini dilakukan. Selain daripada itu, Kaki Bukit juga merupakan tempat pertama diadakan pusat percubaan menanam pokok kayu jati di Malaysia.

Terdapat dua tempat yang bersejarah di Perlis iaitu Bukit Tengku Lembu dan Kurong Batang. Di Bukit Tengku Lembu ditemui kesan peninggalan sejarah seperti periuk tanah, kapak dan **pengasah**, gelang batu serta serpihan tulang



Gua di Kaki Bukit

manusia. Kini barang-barang itu disimpan di Muzium Negara.

Sementara di dalam bukit batu kapur Kurong Batang terdapat gua-gua lama yang mempunyai ketulan-ketulan tanah liat berbentuk bujur dan bulat. Keistimewaan ketulan-ketulan tanah liat ini ialah terdapatnya lambang dewa agama Mahayana Buddha.


Di Bandar Arau, iaitu bandar diraja Perlis terdapat Istana Diraja dan Masjid Negeri yang mempunyai rekabentuk yang indah. Arau terletak 10 kilometer dari Kangar.



Masjid Negeri di Arau

Bandar-bandar

Kangar adalah ibu negeri Perlis. Bandar ini menjadi pusat pentadbiran dan di sini terdapat segala kemudahan seperti pejabat pos, pasar besar, balai polis dan sebagainya. Bandar ini dikelilingi oleh sawah padi yang luas terbentang. Namanya dikatakan diambil sempena nama sebatang pokok iaitu pokok kangar.



Istana Diraja di Arau

Arau adalah bandar diraja Perlis. Arau telah **dianugerahkan** oleh sultan Kedah kepada keturunan Syed Harun iaitu keturunan raja Perlis sekarang. Bandar ini menjadi tempat bersemayam raja Perlis. Di sinilah terletak Istana Diraja dan Masjid Negeri yang cantik. Sebuah **cawangan** Institut Teknologi Mara juga telah dibina di bandar ini.

Padang Besar terkenal juga dengan gelaran 'Pekan Siam'. Bandar yang terletak di sempadan Malaysia-Thai ini sentiasa menjadi tumpuan para pelancong dari jauh dan dekat. Di sini para pelancong dapat membeli barang-barang seperti kain baju, periuk-belanga, pinggan-mangkuk dan barang-barang perhiasan dengan harga yang murah.

Kuala Perlis pula merupakan pangkalan untuk pergi ke Pulau Langkawi. Kaum nelayan pula menggunakan pangkalan ini untuk memunggah hasil tangkapan mereka yang kemudiannya dibawa dengan lori ke bandar-bandar besar seperti Ipoh, Kuala Lumpur dan juga Singapura.

► 8 AUG 1980

Perbendaharaan Kata

Muka Surat

- 2 erat = rapat
surut = berkurang
- 6 wujud = ada
penjajahan = pemerintahan (oleh negara atau bangsa lain)
- 8 mengadap = menemui
- 9 ufti = persembahan atau hadiah yang mesti diberi kepada raja atau negara tertentu
ditabalkan = dilantik
- 10 kerabat = saudara-mara
- 13 datar = rata
- 14 pengairan = mengalirkan air ke kawasan pertanian
dimendapkan = ditimbun
- 17 sabung = laga
- 20 berinai = mewarnakan kuku dengan sejenis tumbuhan yang dinamakan inai
- 22 popular = disukai ramai
- 24 memungkah = membawa turun
- 25 titi gantung = jambatan kecil yang tidak mempunyai tiang
pengasah = batu yang digunakan untuk menajamkan sesuatu
- 29 dianugerahkan = dikurniakan
cawangan = bahagian daripada sesuatu yang lebih besar

